



KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM

KENYATAAN MEDIA

NRES MENYOKONG ASPIRASI 40% PENGGUNAAN PENGANGKUTAN AWAM MENJELANG 2030 SEBAGAI USAHA MEMERANGI KRISIS PERUBAHAN IKLIM

Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) menyokong usaha Kementerian Ekonomi dengan kerjasama Kementerian Pengangkutan yang komited untuk mencapai aspirasi 40% penggunaan pengangkutan awam di seluruh negara menjelang 2030.

Penggunaan pengangkutan awam yang lebih meluas akan menyumbang kepada usaha mengurangkan pencemaran udara dan sekaligus menjadi salah satu langkah dalam menangani krisis perubahan iklim.

Pelan Pembangunan Mobiliti Rendah Karbon (LCMB) 2021-2030 yang dilancarkan pada Oktober 2021 telah menggariskan empat Bidang Fokus dengan 10 Strategi di mana pelan ini secara langsung akan menyokong Dasar Pengangkutan Negara 2019-2030.

Bidang Fokus D iaitu Peralihan Mod daripada kenderaan persendirian kepada Pengangkutan Awam akan **menyasarkan pengurangan karbon sebanyak 44 juta tan C02eq** (secara kumulatif dari tahun 2021 hingga 2030).

Bidang fokus ini telah mencadangkan empat pelan tindakan utama bagi mencapai sasaran ini iaitu:

- i) menentukan perkongsian mod melalui tinjauan isi rumah nasional
- ii) meningkatkan bilangan bas henti-henti, kereta api, BRT dan Tram
- iii) meningkatkan bilangan laluan, frekuensi, stesen dan aplikasi SMART, dan;
- iv) langkah kawalan trafik (caj kesesakan dan kawalan tempat letak kenderaan).

NRES sentiasa komited dan bersedia bagi tujuan merealisasikan komitmen menangani perubahan iklim.

**NIK NAZMI NIK AHMAD
MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM
15 OGOS 2024**